



SOALAN LAZIM (FAQ'S)

BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT **JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN** **BILANGAN 2**

- 1. Adakah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) menjalankan pemeriksaan ulangan ke atas lif dan eskalator dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?**

Ya.

- 2. Adakah kaedah pemeriksaan ulangan lif penumpang dan eskalator yang dijalankan oleh pegawai JKKP sekarang masih sama dengan kaedah sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?**

Sebelum PKP, pegawai JKKP menjalankan pemeriksaan ke atas setiap unit lif atau eskalator yang terdapat di sesuatu premis. Bagaimanapun JKKP telah memperkenalkan prosedur baru untuk pemeriksaan ulangan bagi lif dan eskalator dengan menggunakan kaedah pemeriksaan secara persampelan (PSP) mulai 7 Mei 2020.

- 3. Apakah yang dimaksudkan dengan Pemeriksaan Secara Persampelan (PSP)?**

Menerusi kaedah PSP bilangan minimum lif atau eskalator yang wajib diperiksa adalah satu unit pada sebuah premis yang diselenggara oleh Firma Yang Kompeten (FYK) yang sama. Bagaimanapun pegawai JKKP boleh menentukan bilangan lain yang hendak diperiksa dan boleh memilih mana-mana lif dan eskalator untuk diperiksa mengikut pertimbangan profesional pegawai.

4. Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi membolehkan PSP dilaksanakan?

Syarat-syarat yang perlu dipenuhi adalah seperti berikut:

- a) Pemilik perlu mempunyai kontrak perjanjian penyelenggaraan lif dan escalator (mana yang berkenaan) yang masih sah dengan Firma Yang Kompeten (FYK) berdaftar dengan JKKP.
- b) FYK perlu membuktikan jentera diselenggara dengan sempurna secara menyedia dan mengemukakan bukti selaras dengan Peraturan 31(5) Peraturan Lif Penumpang Elektrik dan Barang-Barang 1970; dan
- c) Orang Kompeten Lif Gred 1 atau 2 telah membuat pra pemeriksaan serta menandatangani perakuan bertulis yang mengesahkan jentera dalam keadaan baik dan selamat untuk beroperasi.

5. Apakah kriteria bagi membolehkan pengeluaran Perakuan Kelayakan (CF) bagi jentera yang diperiksa menerusi kaedah PSP?

Jika pegawai JKKP mendapati sampel jentera yang diperiksa menerusi kaedah PSP berada dalam keadaan baik dan boleh beroperasi dengan selamat maka CF akan dikeluarkan untuk semua jentera yang sama yang diselenggara oleh FYK yang sama yang terdapat di premis berkenaan. Manakala jika terdapat kecacatan pada sampel jentera yang diperiksa dan kecacatan tersebut boleh menyebabkan operasi jentera menjadi tidak selamat maka CF tidak akan dikeluarkan untuk kesemua jentera berkaitan.

18 Mei 2020